

# Badan2 diswasta wajib jual 5% saham pada pekerja - PM

7 JUL 1990

PASIR GUDANG 6 Julai — Dato' Sri, Dr. Mahathir Mohamad hari ini mengumumkan bahawa semua agensi dan badan kerajaan yang hendak diswastakan wajib mengeluarkan lima peratus sahamnya untuk dibeli oleh pekerja.

Perdana Menteri berkata pekerja-pekerja di agensi yang diswastakan itu berhak membeli saham pada harga yang dipasarkan.

Bercakap kepada para pemberita selepas mengadakan perjumpaan dengan rakyat di Kompleks Pasir Gudang petang ini, Dato' Sri Dr. Mahathir berkata syarat tersebut merupakan satu daripada dasar yang ditetapkan oleh kerajaan dalam melaksanakan penswastakan di negara ini.

Di bawah dasar itu, tambahnya, badan kerajaan yang diswastakan hendaklah juga menentukan bahawa gaji dan elaun para pekerjanya tidak berada di tahap yang lebih rendah dari apa yang diperolehi sebelum

(P)

Oleh  
**Razak Rashid Ghows**

penswastakan.

Mengulas lebih lanjut syarat pemilikan saham itu, Perdana Menteri berkata sesebuah agensi yang diswastakan, umpamanya Syarikat Telekom Malaysia yang

mempunyai saham bernilai \$2,000 juta wajib mengeluarkan lima peratus atau \$100 juta nilai daripada saham-saham itu untuk dijual kepada pekerjanya.

Langkah ini, menurut beliau,

telah pun dilakukan kepada Syarikat Penerbangan Malaysia, Perbadanan Perkapalan Malaysia dan akan dilanjutkan kepada EON, Syarikat Telekom Malaysia, PROTON, Tenaga Elektrik Nasional dan banyak agensi yang lain lagi.

**LIHAT MUKA 2**

## JUAL 5 PERATUS SAHAM

Menurut Perdana Menteri, sebagai permulaan pekerja syarikat-syarikat berkenaan boleh membeli saham-saham tersebut pada harga yang dicatatkan di pasaran ketika itu.

"Kita lihat trend harga saham itu, kalau ia naik kemudian, maka pekerja juga terpaksa membayar lebih," ujar beliau.

Terdahulu itu beliau berkata pada perjumpaan dengan Ketua-Ketua Bahagian UMNO di Kompleks Islam pagi ini beliau telah meminta ahli-ahli parti supaya jangan terlalu menumpukan perhatian kepada soal personaliti semasa memilih calon pilihanraya umum.

"Saya tegaskan bahawa yang penting ialah parti dan Barisan Nasional, bukannya personaliti atau siapa menjadi calon," kata Dato' Sri Dr. Mahathir.

Presiden UMNO itu juga mengingatkan rakyat bahawa mereka perlu memberi sokongan dua pertiga kepada Barisan Nasional supaya parti-parti pembangkang yang tidak mampu membawa kebaikan kepada rakyat tidak boleh mengganggu-gugat jentera kerajaan.

Beliau menyingkap kembali peristiwa 13 Mei 1969 yang mana menurutnya berlaku kerana Kerajaan Perikatan ketika itu tidak mendapat sokongan yang kuat menyebabkan pembangkang mengambil kesempatan.

Dato' Sri Dr. Mahathir juga menolak dakwaan Ketua Pembangkang, Encik Lim Kit Siang kononnya beliau mengugut rakyat apabila beliau berkata sekiranya Barisan Nasional tidak memerintah maka akan berlaku huru-hara.

Perdana Menteri menjelaskan: "Saya bukannya mengugut tapi adalah menjadi tanggungjawab saya memperingati rakyat tentang peristiwa 1969 apabila Perikatan memperoleh kemenangan kecil hingga menyebabkan parti lawan mencetuskan pergaduhan."

"Sebab itu penting bagi Barisan Nasional mendapat kemenangan besar dua pertiga untuk menjamin keamanan dan kestabilan."

Selepas ucapan tersebut Perdana Menteri kemudian menyampaikan bantuan kepada orang-orang yang memerlukan.